

# PENGGUNAAN LIF DI TEMPAT KERJA DENGAN SELAMAT

## TAKRIFAN LIF

Bab 4 Akta Keselamatan dan Kesihatan, Bab 277 (WSH Act, Cap 277):

"lif" termasuk apa-apa alat angkat atau mesin angkat yang digunakan bagi membawa orang, sama ada bersama dengan barang-barang atau pun selainya.

## LIF STANDARD

- Lif secara amnya direka bentuk untuk mematuhi **piawaian antarabangsa** seperti EN81-20 dan EN81-50, atau seumpunya.
- Lif hendaklah dilengkapi dengan beberapa **ciri keselamatan** seperti (tetapi tidak terhad kepada) beberapa tali angkat atau rantai, brek keselamatan, sensor pintu, alat penutup pintu, mempunyai pemindahan kecemasan, lampu kecemasan, bekalan kuasa kecemasan, dan sistem kecemasan kebakaran.
- Tempat kerja hendaklah **memasang dan mengendalikan** lif standard yang dilengkapi dengan ciri keselamatan.


## KEWAJIPAN PEMILIK LIF

Pemilik lif adalah diingatkan kewajipan mereka seperti di bawah **Bab 17 dan 19 WSH Act, Cap 277, Peraturan 19 WSH (General Provisions) Regulations dan WSH (Incident Reporting) Regulations.**

Kewajipan undang-undang merangkumi:

- Penyelenggaraan berkala**, iaitu mengikut saranan pembuat lif, dengan melibatkan perkhidmatan kontraktor lif untuk memastikan lif di dalam keadaan selamat dan langkah pencegahan dijalankan.
- Memastikan lif **diperiksa oleh pemeriksa yang diberi kuasa** pada jadual yang ditetapkan menurut undang-undang.
- Memaparkan sijil ujian dan pemeriksaan**, serta kapasiti maksimum/kemuatan berat yang selamat/bilangan maksimum penumpang lif yang selamat.
- Menyediakan dan melaksanakan **pelan tindak balas kecemasan**, seperti terperangkap dalam lif dan ketika kehilangan bekalan elektrik.
- Bertindak dengan segera** untuk membetulkan sebarang kerosakan yang ditemui.
- Memastikan **setiap tali angkat/rantai/wayar, bahagian struktur** serta setiap artikel yang berkaitan dengan lif adalah dari **hasil bina yang baik dan bahan yang baik serta mempunyai kekuatan** yang mencukupi dan sesuai dengan sifat penggunaannya.
- Melaporkan kepada pihak SHENA** insiden yang boleh dilaporkan, termasuk kejadian berbahaya, dengan seberapa segera yang mungkin.

Contoh komponen dan ciri keselamatan terhadap lif standard:



## PROSEDUR KECEMASAN

### UNTUK PENGGUNA LIF YANG TERPERANGKAP DI DALAM LIF

- | PERLU DILAKUKAN   | JANGAN DILAKUKAN  |
|---|---|
| ✓ Tolong bertenang  | ✗ Panik   |
| ✓ Tekan butang panggilan kecemasan untuk melaporkan keadaan   | ✗ Memaksa pintu dibuka  |
| ✓ Tunggu sehingga bantuan tiba  | ✗ Mencuba keluar dari lif   |
| ✓ Jika lif gelap, gunakan telefon bimbit sebagai lampu/cahaya   | ✗ Membuat pergerakan mengejut dan/atau berterusan   |
| ✓ Semasa evakuasi, hanya keluar dari lif jika lif berada di aras yang sama dengan paras lantai bangunan | ✗ Jangan keluar dari lif jika lif tidak berada di aras yang sama dengan paras lantai bangunan |



### UNTUK SESIAPA YANG TAHU ADA ORANG TERPERANGKAP DI DALAM LIF

- | PERLU DILAKUKAN  | JANGAN DILAKUKAN   |
|--|--|
| ✓ Segera menghubungi pengurusan bangunan atau kontraktor perkhidmatan lif untuk bantuan      | ✗ Mencuba menyelamatkan orang yang terperangkap di dalam lif dengan memaksa pintu lif dibuka |
| ✓ Sekiranya tidak dapat melakukan seperti di atas, sila hubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat |  |
| ✓ Jika dapat, bantu orang yang terperangkap di dalam lif untuk sentiasa bertenang            |  |

## NASIHAT-NASIHAT KESELAMATAN UNTUK PENGGUNA LIF DI TEMPAT KERJA



Berhati-hati ketika melangkah masuk dan keluar dari lif untuk mengelakkan daripada bahaya tersandung dan berwaspada terhadap barang-barang lain yang boleh tersangkut pada pintu lif.



Laporkan sebarang masalah atau kerosakan berkaitan dengan lif kepada pihak pengurusan bangunan.



Jangan gunakan tangan, kaki atau barang-barang untuk memastikan pintu lif terbuka.



Jangan gunakan lif semasa kecemasan seperti kebakaran atau bencana alam. Gunakan tangga.



Jangan membiarkan lif terlalu penuh atau melebihi dari kapasiti yang sepatutnya. Sentiasa ambil perhatian kapasiti maksimum yang dipaparkan dalam lif.